

**NO SOALAN :85****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING  
(TAIPEH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.07.2017**

**Y.B. TUAN NGA KOR MING [ TAIPEH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bahawa memandangkan nilai mata wang ringgit telah jatuh lebih 30% berbanding dengan US Dollar dalam tempoh 3 tahun ini, apakah rancangan menyeluruh yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan nilai Ringgit dan menjaga kestabilan nilai wang ringgit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyusutan nilai mata wang pada tahun 2015 dan 2016 bukanlah sesuatu yang unik kepada Malaysia sahaja. Keadaan ini turut dialami oleh mata wang serantau yang mencerminkan terutamanya

pengukuhan dolar AS. Pada tahun 2016, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 4.3% berbanding dolar AS. Penyusutan nilai ringgit kebanyakannya didorong oleh perubahan aliran dana yang dipengaruhi oleh faktor luaran.

2. Pada tahun 2017, nilai ringgit semakin stabil dan meningkat sebanyak 4.5% (sehingga 17 Julai 2017) berbanding dolar AS. Ini disebabkan oleh kemasukan semula aliran dana portfolio pelabur bukan pemastautin ke dalam pasaran kewangan Malaysia.
3. Selain penurunan nilai mata wang dolar AS, peningkatan nilai mata wang Ringgit sejak awal tahun ini turut disumbang oleh penunjuk-penunjuk ekonomi utama Malaysia yang semakin positif iaitu pertumbuhan eksport dan KDNK yang lebih tinggi. Kegiatan ekonomi yang semakin menggalakkan ini dapat membantu meningkatkan sentimen pelabur dan seterusnya menyokong pengukuhan nilai ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Sentimen positif terhadap ringgit turut disokong oleh langkah-langkah pembangunan pasaran yang diperkenalkan oleh

Jawatankuasa Pasaran Kewangan (FMC) dan Bank Negara Malaysia pada penghujung tahun 2016.

5. Kesan langkah-langkah tersebut dapat dilihat di mana aktiviti kontrak hadapan tanpa serahan (*non-deliverable forward, NDF*) dalam pasaran luar pesisir telah berkurang. Volatiliti nilai ringgit juga telah berkurang dengan ketara. Pertukaran mata wang asing bersih daripada eksport telah meningkat sejak Disember 2016. Pada bulan Mei 2017, pertukaran asing bersih berjumlah USD 1.1 bilion.
6. Pada bulan April 2017, FMC bersama-sama Bank Negara Malaysia, telah mengumumkan langkah-langkah liberalisasi tambahan untuk meningkatkan mudah tunai pasaran bon. Selain itu, langkah tersebut juga memberi lebih fleksibiliti terhadap aktiviti lindung nilai kepada pelabur dan peniaga tempatan untuk mengurus risiko dedahan kadar pertukaran di dalam negara. Langkah-langkah ini akan terus memperdalam pasaran pertukaran asing dan pasaran kewangan domestik, sekaligus meningkatkan permintaan aset kewangan ringgit dan seterusnya mengukuhkan kadar pertukaran ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Langkah-langkah pembangunan pasaran yang diperkenalkan pada penghujung 2016 dan April 2017 telah menstabilkan nilai mata wang ringgit dan turut berperanan dalam mengimbangkan penawaran dan permintaan mata wang asing di pasaran mata wang tempatan.
8. Bagi memastikan kadar pertukaran mata wang ringgit lebih kukuh, Kerajaan akan terus memberi tumpuan meningkatkan daya tahan, kepelbagaian dan daya saing ekonomi. Kadar pertukaran nilai ringgit dijangka lebih kukuh setelah faktor luaran semakin stabil.